

Sebuah lagi tribunal akan dibentuk — PM

KUALA LUMPUR 6 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini berkata, sebuah tribunal akan dibentuk bagi menentukan kedudukan lima hakim Mahkamah Agung yang digantung jawatan.

Perdana Menteri menambah tribunal tersebut perlu dibentuk bagi meneliti dakwaan-dakwaan yang dihadapkan kepada kelima-lima hakim berkenaan.

“Pembentukan tribunal akan dibuat mengikut apa yang telah digariskan oleh undang-undang,” kata beliau kepada para pemberita di bangunan Parlimen di sini petang ini.

Menjawab satu soalan lain, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa beliau tidak perlu lagi membuat representasi bagi pembentukan tribunal itu kepada Yang di-Pertuan Agong kerana Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar telahpun berbuat demikian.

Yang di-Pertuan Agong telah bersetuju di atas representasi tersebut, ujar beliau.

Kata Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong

akan dinasihatkan berhubung dengan keanggotaan tribunal itu nanti.

Menurut beliau lagi tarikh dan masa pembentukan tribunal itu akan ditentukan secepat yang mungkin.

7 JUL 1988

Ditanya apakah tribunal yang telah menjalankan siasatan ke atas Ketua Hakim Negara yang digantung, Tun Mohd. Salleh Abas akan juga menjalankan siasatan ke atas kelima-lima hakim berkenaan, beliau menjawab, itu tidak mungkin.

“Tribunal yang ada sekarang ini untuk menyiasat kes Tun Salleh Abas kini telah menjadi defendan jadi bagaimanakah mereka akan bersidang mengenai kes ini,” kata beliau.

Ketika ditanya, siapakah yang mengesyorkan untuk menggantung kelima-lima hakim berkenaan, Perdana Menteri berkata ia dilakukan atas syor Pemangku Ketua Hakim Negara sebagaimana yang

ditetapkan di bawah undang-undang.

“Dalam hal seperti ini, hanya dua pihak sahaja yang berhak membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong iaitu Perdana Menteri dan Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Perdana Menteri,” kata beliau lagi.

Mengenai kedudukan Mahkamah Agung, beliau menjelaskan bahawa isu ini tidak akan menjejaskan perjalanan mahkamah berkenaan.

Kata beliau, dengan ketiadaan lima hakim berkenaan apakah semua orang yang bersalah perlu digantung?

Mengenai satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, pada-asasnya hakim-hakim baru perlu dilantik bagi menggantikan mereka yang telah didapati tidak mampu menjalankan tugas dengan sempurna.

“Sudah pastilah hakim-hakim yang didakwa ini tidak harus meneruskan lagi tugas-tugas mereka kerana mereka sudahpun membuat pendirian,” tegas beliau.